



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

ORANG RAMAI DISERU AMALKAN KECEKAPAN TENAGA DAN AIR SEMASA MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI

PUTRAJAYA, 20 MAC 2026 – Orang ramai dinasihati supaya sentiasa menggunakan tenaga dan air secara cekap dan berhemah, terutama semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri ini, yang mana penggunaan tenaga dan air kebiasaannya meningkat.

Semasa musim perayaan, kadar peningkatan beban penggunaan tenaga elektrik bagi pengguna kediaman (*residential*) lazimnya adalah dianggarkan sekitar 20 peratus hingga 40 peratus berbanding kadar penggunaan biasa.

Antara langkah mudah penjimatan elektrik yang boleh diamalkan termasuk:

- a) Mematikan lampu dan peralatan elektrik apabila tidak digunakan;
- b) Mengelakkan peralatan berada dalam mod sedia (*standby*);
- c) Menetapkan suhu penyaman udara sekitar 24 hingga 26 darjah celsius; dan
- d) Menggunakan peralatan elektrik yang mempunyai penarafan kecekapan tenaga 4 atau 5 bintang.

Bagi kadar penggunaan air pula, peningkatan penggunaan di antara 30% hingga 35% adalah dijangka di kebanyakan negeri yang menjadi tumpuan perantau pulang berhari raya. Peningkatan penggunaan telah pun dijangka dan pihak operator bekalan air telah bersiap siaga bagi memastikan permintaan dapat dipenuhi sebaiknya. Justeru, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) turut memastikan operator bersedia sedia dengan pelan kontigensi sekiranya timbul sebarang insiden luar jangka di sepanjang musim perayaan.

Berdasarkan sasaran semasa, PETRA melalui SPAN menyasarkan kadar penggunaan per kapita setiap hari pada maksimum 160 liter yang sejajar dengan sasaran di peringkat antarabangsa. Ianya merupakan sasaran yang boleh dicapai sekiranya pengguna memilih untuk menggunakan air secara berhemat antaranya melalui kaedah berikut:

- a) Perbaiki segera sebarang kebocoran paip dalaman;
- b) Beralih kepada sumber air alternatif seperti tadahan air hujan untuk aktiviti bukan teras seperti menyiram pokok, mencuci laman atau membasuh kenderaan;
- c) Disiplin sendiri dalam penggunaan air iaitu gunakan pada kadar yang sewajarnya sahaja;
- d) Membasuh pakaian hanya apabila muatan penuh;
- e) Pastikan pili ditutup rapat setelah digunakan;
- f) Guna semula air tidak tercemar seperti air basuhan wudhu untuk tujuan lain seperti mencuci lantai atau menyiram pokok; dan
- g) Beralih kepada produk yang mempunyai label Cekap Air dengan dua atau tiga bintang. Penggunaan produk air secara konsisten dapat menjimatkan sehingga purata 50% daripada bil bulanan pengguna.

Amalan-amalan kecil kecekapan tenaga dan air ini bukan sahaja membantu menjimatkan bil pengguna, malah menyumbang kepada penggunaan tenaga dan air yang lebih cekap dan mampan secara keseluruhan.

Selain itu, PETRA juga ingin menyeru orang ramai supaya mengutamakan aspek keselamatan elektrik dengan mengamalkan langkah-langkah keselamatan berikut:

- a) Pastikan pendawaian elektrik di rumah selamat dengan cara menguji Peranti Arus Baki (PAB) dengan menekan butang uji 'T' sekurang-kurangnya sekali sebulan. Jika PAB berfungsi dengan baik, ia akan terpelantik dan bekalan elektrik akan terputus serta-merta. Namun, sekiranya ia tidak berfungsi dan perlu diganti, sila dapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST);
- b) Sila pastikan wayar kelengkapan elektrik tidak koyak atau terdedah sebelum digunakan;
- c) Elak bebani soket dengan menggunakan kelengkapan elektrik yang berlebihan atau dengan beban yang tinggi;
- d) Guna kelengkapan elektrik dan lampu hiasan dengan label keselamatan ST-SIRIM;
- e) Tangan dalam keadaan kering semasa menggunakan kelengkapan elektrik;

- f) Suis dan kelengkapan elektrik yang tidak digunakan di rumah dimatikan sekiranya anda pulang ke kampung atau bercuti;
- g) Elak menggantung perhiasan perayaan pada tiang elektrik; dan
- h) Elak menggunakan telefon bimbit semasa ia sedang dicas.

Usaha ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan rakyat, kemampanan serta tadbir urus yang baik dalam pengurusan sumber tenaga dan air negara. Melalui amalan penggunaan tenaga dan air yang cekap, rakyat bukan sahaja dapat menyambut perayaan dengan lebih selamat dan tenang bersama keluarga, malah turut menyokong agenda negara dalam memastikan kelangsungan sumber tenaga dan air yang mampan, berdaya tahan dan mampu memenuhi keperluan pembangunan negara pada masa hadapan.

YAB DATUK AMAR HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
20 Mac 2026